

18/06/1998

Televisyen, radio disaran siar ucapan Presiden Umno

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Penerangan memohon kerjasama semua stesen televisyen dan radio swasta menyiarkan secara langsung ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di perhimpunan agung parti itu, Jumaat ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata siaran secara langsung itu penting kerana ia akan menyediakan jawapan yang tepat kepada beberapa isu dibangkitkan pada masa ini.

"Dengan adanya liputan langsung ini, rakyat dapat mendengar dari Perdana Menteri sendiri mengenai pendirian kerajaan dan Umno mengenai pelbagai isu semasa," katanya.

Beliau berkata, RTM akan membuat liputan langsung ucapan itu menerusi semua rangkaian televisyen dan radionya.

"Selain RTM, saya berharap stesen televisyen dan radio lain, terutamanya stesen milik swasta dapat mengambil langkah yang sama supaya ucapan itu dapat didengar secara meluas oleh semua penduduk Malaysia," katanya.

Di JOHOR BAHRU, Umno Johor menghantar 220 perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno yang dijadualkan selama empat hari di Kuala Lumpur, bermula esok.

Setiausaha Eksekutifnya, Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata jumlah itu mewakili 20 bahagian Umno termasuk ketua bahagian yang layak ke perhimpunan itu secara automatik dan 10 ahli jawatankuasanya.

Sehubungan itu, katanya, Umno Johor melantik dua wakilnya iaitu Ketua Umno bahagian Muar, Abdul Malik Munip dan ahli jawatankuasa Umno bahagian Sungai Benut, Ahmad Maslan untuk berucap di perhimpunan itu.

Menurutnya, Abdul Malik yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Bakar akan berucap menyokong usul ekonomi manakala Ahmad menyokong usul ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perkara ini sudah pun diputuskan dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri," katanya kepada Berita Harian.

(END)